

MMC-Gamuda sedia pelan hadapi banjir

ALOR SETAR – Kontraktor Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE), Ipoh-Padang Besar, MMC-Gamuda Joint Venture Sdn. Bhd. (MMC-Gamuda JV) menyediakan enam pelan sebagai persediaan menghadapi kemungkinan banjir di utara Semenanjung yang dijangka lebih besar berbanding tahun lalu.

Pengarahnya, Datuk Azmi Mat Nor berkata, antara langkah proaktif itu ialah memastikan sistem perparitan dan saluran di kawasan pembinaan berfungsi dengan sempurna.

Katanya, pihaknya bertang-

gungjawab sepenuhnya di sepanjang laluan pembinaan itu bagi memastikan sistem saluran dan perparitan diselenggara dengan baik.

“Kita akan memastikan laluan air, longkang dan parit di sekitar pembinaan tidak tersumbat dengan sisa bahan pembinaan. Sistem saluran itu akan dibersihkan dan didalamkan bagi memastikan ia berfungsi sepenuhnya dan mengurangkan risiko banjir di kawasan itu,” katanya pada sidang akhbar di pejabat MMC-Gamuda JV di sini semalam.

Kerja-kerja pembinaan PL-

BE sepanjang 330 kilometer dari Ipoh ke Padang Besar sudah mencapai 70 peratus sejak bulan lalu.

Berdasarkan ramalan Jabatan Meteorologi, Perlis, Kedah dan Pulau Pinang berdepan risiko banjir besar berikutan kadar hujan meningkat antara 20 hingga 40 peratus.


Azmi berkata, selaras dengan ramalan itu, pihaknya turut menubuhkan Pusat Kawalan Kecemasan dan Pasukan Bertindak Kecemasan (ERT) di Pauh, Perlis dan Datuk Kumbang di sini.

“Pasukan khas ini melibat-

kan lebih 2,000 pekerja diletakkan dalam keadaan bersedia sedia untuk digerakkan ke kawasan banjir. Kerjasama dengan pihak berkuasa dan kerajaan negeri akan turut dilakukan,” katanya.

Menurut Azmi, pasukannya turut dibekalkan dengan kenderaan seperti trak, jentolak dan jentera pengorek yang ditempatkan di sepanjang kawasan projek.

Jelasnya, pihaknya turut menyediakan talian *hotline* iaitu 1-300-80-1999 untuk dihubungi ketika kecemasan.



AZMI (kiri) dan Pengarah MMC, Mohd. Nör Idros menjelaskan mengenai pelan persediaan menghadapi di Alor Setar semalam.